

BAB 2

LATARBELAKANG KEDATANGAN KAUM INDIA KE MALAYSIA

2.0. Pengenalan

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan seterusnya menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum telah menampakkan kesan positif kepada masyarakat Melayu. Ketika pengenalan DEB kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Melayu adalah jauh lebih rendah dibandingkan dengan kaum India dan keadaan ini telah diperbaiki. Manakala itu, masyarakat Cina terus mengekalkan kedudukan mereka pada paras yang baik. Masyarakat India pula tidak mencapai apa-apa kemajuan hasil daripada perlaksanaan DEB.

Kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India ini turut dipengaruhi oleh sejarah latar belakang mereka. Bab ini akan cuba dengan terperinci menganalisa latar belakang masyarakat India sejak dari zaman penjajah hingga tahun 1969.

2.1. Kedatangan Kaum India Ke Tanah Melayu, 1900 - 1941

Kaum India telah mula datang ke Tanah Melayu sejak dari pembukaan Selat Melaka terutamanya sebagai pedagang kain dan peminjam wang. Pada akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20, penjajah British mendapati India sebagai tempat mendapatkan buruh untuk bekerja di ladang-ladang getah milik mereka. Mereka ingin mendapatkan buruh-buruh yang murah, patuh dan senang dikawal. Dalam tahun 1880an, Hugh Low dan Frederick Weld telah mendapatkan permit daripada kerajaan British untuk mengimport buruh-buruh dari India dan bekerja di ladang-ladang milik mereka di Tanah Melayu.

Kaum India terbahagi kepada beberapa suku etnik, di antaranya terdiri daripada Tamil, Telugu, Malayali, Ceylon dan lain. Kebanyakan mereka yang diambil bekerja di ladang-ladang adalah dari golongan Tamil. Jadual di bawah menunjukkan pecahan suku kaum etnik India yang telah datang ke Tanah Melayu.

Jadual 2.1
Kaum India Mengikut Pecahan Suku Kaum Etnik Dari Selatan India
1921, 1931 dan 1947

Masyarakat	1921	1931	1947
Tamil	387,509	514,778	460,985
Telegu	39,986	32,536	24,093
Malayali	17,190	34,898	44,339
Lain-lain India Selatan	-	-	15,968
Jumlah	444,685	582,212	545,385

Sumber: *Report of the Agent*, 1935, ms. 27. dalam Mahajani, Usha, *The Role of Indian in Burma and Malaya*, ms. 103.

Perkembangan ekonomi di luar Negeri Selat iaitu Negeri-Negeri Melayu pada mulanya adalah berdasarkan kepada timah. Pada akhir kurun kesembilan belas, pihak British telah cuba menanam beberapa jenis pokok getah di Tanah Melayu tetapi tidak berjaya. Walau bagaimanapun, dengan pengenalan benih getah jenis Hevea Brasiliensis yang disemai di Kew Gardens, London dan kemudiannya di cuba di Botanical Garden di Singapura, benih tersebut telah berjaya membawa hasil. Seterusnya pihak British terus menanam biji-biji benih getah secara besar-besar terutamanya di bahagian barat Tanah Melayu. Untuk tujuan ini, mereka telah membawa masuk secara besar-besaran buruh-buruh Tamil dari India untuk bekerja diladang-ladang getah iaitu selepas tahun 1900.

2.1.1. Perkembangan Industri Getah

Sejak dari tahun 1900, getah telah menggantikan pertanian-pertanian lain seperti gula, gambir dan kopi. Ladang-ladang getah telah diusahakan secara besar-besaran. Keperluan getah semakin besar apabila tumbuhnya perusahaan-perusahaan kereta di negara-negara barat terutamanya di England. Kemajuan yang besar telah dicapai dalam penyelidikan getah apabila terdapat pegawai-pegawai British yang menjadi pelopor dalam mengkaji mutu getah seperti H.N. Ridley. Ini ditambah pula dengan kemunculan Revolusi Perusahaan di Eropah secara mendadak telah melahirkan ramai pencipta-pecipta yang menghasilkan pelbagai rekaan yang baru. Revolusi Perusahaan di England telah mengubah sikap kerajaan British daripada bergantung kepada perdagangan kepada mencari bahan-bahan mentah dan pasaran untuk barang-barang perindustrian mereka. Ini adalah kerana England kekurangan bahan-bahan mentah yang diperlukan oleh industri-industrinya. Misalnya, bijih timah yang penting untuk diproses untuk dijadikan tin. Tin digunakan untuk mengisi makanan supaya tahan lebih lama. Getah pula diperlukan kerana perkembangan industri pembuatan kenderaan.

Bermula dari sini, maka banyak ladang-ladang getah telah dibuka melalui pelaburan oleh firma-firma British. Pihak British memerlukan ramai buruh untuk bekerja di ladang-ladang getah yang berkembang dengan pesat. Dengan adanya perkembangan industri berdasarkan getah, maka semakin ramai pengusaha-pengusaha Eropah telah terlibat dalam industri-industri berdasarkan getah. Mereka memerlukan bahan-bahan mentah getah untuk menghasilkan pengeluaran. Industri pengeluaran getah memerlukan ramai pekerja dan ini menyebabkan pihak penjajah British telah mengambil ramai buruh-buruh India dari India diambil bekerja di ladang-ladang getah di Tanah Melayu.

Perkembangan industri berasaskan getah telah menyebabkan keluasan ladang-ladang getah telah meningkat dari 168,000 ekar dalam tahun 1907 ke 1,230,000 ekar pada tahun 1922.¹ Pada tahun 1919, eksport getah Tanah Melayu telah mencapai hampir separuh daripada eksport getah dunia. Ini telah menjadikan Tanah Melayu sebagai salah sebuah negara pengeluar utama getah asli dunia. Ladang-ladang getah telah banyak ditanam di bahagian Barat Tanah Melayu dan buruh-buruh yang hampir 80 peratus adalah terdiri dari kaum India. Berikutan itu, jumlah orang-orang India di Tanah Melayu telah bertambah daripada 119,000 orang pada tahun 1901 ke 470,181 orang dalam tahun 1921.² Pada tahun 1921, penduduk kaum India di Tanah Melayu adalah 14.2 peratus daripada jumlah penduduk Tanah Melayu. Menjelang tahun 1921, jumlah penduduk Cina dan India hampir sama dengan jumlah penduduk Melayu. Masyarakat Cina dan India telah menghadapi masalah sosial disebabkan bilangan kaum lelaki melebihi jumlah kaum wanita. Kebanyakan dari orang-orang Cina dan India yang berhijrah ke Tanah Melayu untuk bekerja adalah terdiri dari kaum lelaki. Mereka telah meninggalkan keluarga dan isteri di negara asal mereka.

2.1.2. Kekurangan Buruh di Tanah Melayu

Tanah Melayu pada ketika itu tidak mempunyai penduduk yang ramai. Penduduk-penduduk tempatan iaitu orang-orang Melayu selalunya tinggal di luar bandar dan pekerjaan utama mereka adalah menanam padi. Ada yang tinggal berhampiran laut dan bekerja sebagai nelayan. Ini menyebabkan tidak ada buruh-buruh yang cukup untuk bekerja di ladang-ladang getah yang luas dipendalam.

Penguasaan buruh-buruh India dalam pekerjaan di ladang-ladang getah adalah disebabkan kaum-kaum lain iaitu orang Melayu dan Cina tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang getah. Orang Cina lebih menumpukan perhatiannya dalam

¹ J.H. Drabble, *Rubber in Malaya, 1986-1922: The Genesis of the Industry* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973), ms. 216.

² Sandhu, *Indians in Malaya*, ms. 181.

perusahaan bijih timah dan perniagaan di bandar-bandar manakala orang Melayu dalam bidang pertanian seperti bertanam padi.

Pihak British juga tidak berminat untuk mengambil kaum Cina bekerja di ladang-ladang kerana mereka mendapati kaum Cina sering melakukan demonstrasi, tunjuk perasaan dan sukar dikawal. Ini mungkin disebabkan kerana batas perbezaan budaya yang sukar di atasi. Ini seterusnya menghalang penghasilan bahan-bahan mentah dengan cekap. Maka mereka mendapati bahawa buruh-buruh dari India lebih murah dan senang dikawal hasil daripada pengalaman mereka di India. Maka kaum India telah dibawa masuk secara beramai-ramai. Kaum Cina datang ke Tanah Melayu kerana sebab-sebab tarikan ekonomi. Manakala itu, orang-orang India telah dibawa masuk oleh British secara teratur dan terancang. Stuktur masyarakat India di Tanah Melayu telah ditentukan oleh keperluan ekonomi pihak British. Buruh-buruh India telah ditempatkan di pedalaman ladang-ladang getah dengan keluarga mereka dan hidup terasing daripada masyarakat tempatan.

Selain daripada mengambil buruh-buruh India untuk bekerja di ladang-ladang sebagai penoreh getah dan pekerja ladang, penjajah British juga memerlukan kaum India yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris untuk kerja-kerja pentadbiran. Dengan pembukaan negeri-negeri Melayu mereka memerlukan lebih ramai pekerja dalam pentadbiran negara, maka orang-orang India dan Tamil Ceylon telah diambil bekerja di peringkat bawahan. Orang-orang India dan Ceylon yang berpendidikan Inggeris diambil juga untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai perubatan dan jurukur dalam bidang-bidang teknikal dan profesional.

2.1.3. Dasar British

Golongan India sanggup berhijrah keluar dari negara India (jajahan British) akibat daripada keadaan sosio-ekonomi yang buruk di sana. India adalah sebuah

negara yang mempunyai ramai penduduk dan ini telah menyebabkan kerajaan British yang menjajah di sana tidak dapat menyediakan pekerjaan kepada semua penduduk di sana.

Selain daripada itu, dasar British di India juga telah memudahkan pengambilan buruh-buruh dari India ke Tanah Melayu. Parmer mendapati bahawa sebahagian besar daripada buruh-buruh India telah ditipu dengan maklumat palsu untuk keluar dari India dan bekerja di Tanah Melayu.³ Pada mulanya, buruh-buruh dari India dibawa masuk oleh pengambil buruh-berbangsa Tamil dari estet-estet yang dikenali sebagai *kangany*. Kangany mengembara ke selatan India, terutamanya dari tempat atau kawasan beliau dilahirkan untuk mendapatkan buruh yang kebiasaannya terdiri dari kenalan-kenalan rapat untuk satu tempoh yang dipersetujui dengan memberikan wang pendahuluan dan janji-janji.

Walau bagaimanapun, selepas tahun 1907, pengambilan buruh-buruh dari India adalah dibiayai oleh tabung kewangan kerajaan yang disumbangkan oleh semua pemilik ladang. Dalam tahun 1910 sahaja, 91,723 buruh India telah tiba di Tanah Melayu dan jumlah ini terus meningkat kepada 122,583 orang dalam tahun 1913.⁴ Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri dari lelaki yang berumur dalam lingkungan 20an dan 30an. Ada juga yang membawa bersama keluarga mereka.

Kebanyakkan buruh-buruh India yang datang ke Malaya pada awalnya bukan bertujuan untuk tinggal di sini. Selepas mereka selesai bekerja untuk satu tempoh masa yang ditentukan, mereka akan pulang ke kampung halaman mereka. Oleh sebab itu terdapat keseimbangan dari segi kemasukan buruh India ke Tanah Melayu dengan mereka yang pulang semula ke tanah air mereka. Sebagai contoh, dalam tahun 1910 jumlah kaum India yang telah datang ke Malaya adalah 90,000 orang dan yang

³ Parmer, J.N., *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya (1910-1941)*, New York, 1960.

⁴ *The Cambridge History of South East Asia*. ms. 160.

pulang ke tanah air mereka adalah 40,000 orang. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1932, iaitu tahun kemelesetan ekonomi dunia, jumlah kemasukan buruh adalah seramai 6,500 orang manakala yang pulang ke India adalah 85,000 orang.⁵ Jadual 2.2 menunjukkan dengan lebih terperinci penghijrahan ke Malaya dan perpindahan keluar kaum India dari Malaya dari tahun 1900 hingga tahun 1955.

Jadual 2.2
Penghijrahan ke Malaya dan Perpindahan dari Malaya Kaum India,
1900 - 1955

Tahun	Penghijrahan Ke Malaya	Perpindahan Dari Malaya
1900-1910	479,626	256,549
1911-1921	908,100	561,913
1921-1931	888,751	703,809
1931	51,576	122,131
1932	44,863	104,503
1933	45,163	52,581
1934	124,579	50,781
1935	100,935	64,042
1936	73,681	63,711
1937	158,042	68,397
1938	76,300	96,410
1939	56,191	67,334
1941 (Jan-Oct)	41,008	50,283
1948	23,925	-24,189*
1950	29,325	21,805
1951	32,069	25,643
1952	37,802	24,746
1953	39,197	19,872
1954	24,053	-24,287*
1955	31,028	27,903

Sumber: Mahajani, Usha. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. Repr. Westport: Greenwood Press, 1973. m.s. 106-107.

* Lebih penghijrahan dari perpindahan

Dari segi jumlah buruh-buruh India yang bekerja di estet-estet, Jadual 2.3 menunjukkan jumlah tenaga buruh kaum India dari tahun 1907 hingga tahun 1937 manakala Jadual 2.4 menunjukkan tenaga buruh berbandingan dengan kumpulan etnik dari tahun 1938 hingga 1947. Manakala bagi buruh-buruh India yang bekerja di

⁵ Angka ini dipetik dari Sandhu (1969), Lampiran 3 dan 4.

ladang-ladang getah sejak dari tahun 1934 hingga 1940 berbanding dengan kumpulan etnik lain dapat dilihat dalam Jadual 2.5. Kedua-kedua jadual ini menunjukkan bahawa majoriti pekerja estet dan pekerja ladang-ladang getah adalah terdiri dari buruh-buruh India dan ini diikuti dengan buruh-buruh Cina.

Orang India yang datang ke Tanah Melayu kebanyakannya berasal dari India Selatan di mana sebahagian besar terdiri dari orang Tamil. Ada juga daripada kaum India yang datang dari Sri Lanka. Kaum India telah diimport, seolah-olah mereka dianggap sebagai barang dagangan⁶ untuk bekerja di ladang-ladang getah dan dieksport semula apabila permintaan ekonomi terhadap mereka berkurangan. Ini berlaku bila berlakunya *Great Depression* di mana permintaan untuk barang eksport Tanah Melayu telah berkurangan dan kerajaan terpaksa mengurangkan pengambilan tenaga kerja dan ramai buruh-buruh India kehilangan kerja. Walau bagaimanapun, kawalan ke atas imigrasi dan syarat-syarat pekerjaan orang India adalah ketat, ini mungkin disebabkan pendirian kerajaan India yang mengambil berat supaya kaum imigrannya mendapat sedikit perlindungan.⁷

Suruhanjaya bagi buruh telah menyediakan garispanduan pengambilan buruh seperti berikut:

“any estate which wishes to recruit in India sends a kangani, with a form of licence to recruit filled in, to the office of the India Immigration Department in Penang. The licence is registered there and the kangani is sent by the first steamer to the depot at Madras or Nagapatnam and he reports to the Agent himself. He goes away to his district and recruits coolies and either brings them down himself to the depot or sends them with some responsible person. They are then vetted and, if passed as medically fit, are sent to Penang by the agents at the expense of the fund on one of the Immigrant ships. There are ships running regularly and taking the coolies direct to the quarantine station at Pulau Jerejak or Port Swettenham.... If the ship has a clean

⁶ T.H. Silcock dan Ungku Aziz, "Nationalism in Malaya", *Asian Nationalism and the West*, William L.Holland, ed. (New York 1953), m.s. 274-275.

⁷ R.S.Milne dan Daine K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Terjemahan DBP, 1982, m.s. 27.

Jadual 2.3

Tenaga Buruh India Bekerja di Estet-estet di Malaya
1907-1937

Tahun	Jumlah
1907	43,824
1908	43,515
1909	55,732
1910	t.a.
1911	109,633
1912	t.a.
1913	142,476
1914	120,144
1915	126,347
1916	138,295
1917	148,834
1918	139,480
1919	160,658
1920	160,966
1921	121,589
1922	121,463
1923	119,242
1924	137,761
1925	176,114
1926	172,466
1927	162,460
1928	181,205
1929	132,745
1930	104,767
1931	90,003
1932	96,138
1933	119,443
1934	118,591
1935	123,595
1936	155,725
1937	137,353

Sumber: Farmer, 1960: 273

Nota: t.a. = Tidak diperolehi

Jadual 2.4

Malaya: Taburan Penduduk Pekerja Estet Mengikut Etnik
1938 - 1947

Tahun	1938		1941		1946		1947	
		%		%		%		%
India	214,323	72.1	209,871	70.0	137,027	62.6	221,240	62.4
Cina	57,897	19.5	61,257	20.4	51,651	23.6	87,434	24.7
Melayu	15,230	5.1	18,474	6.2	21,258	9.7	26,663	7.5
Jawa	8,699	2.9	10,215	3.4	8,680	4.0	18,638	5.2
Lain-Lain	1,221	0.4	293	1.0	235	0.1	719	0.2
Jumlah	297,370	100	300,104	100	218,851	100	354,694	100

Sumber: Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1962.

Jadual 2.5

Malaya: Taburan Penduduk Pekerja Estet Getah Mengikut Kumpulan Etnik, 1934 - 1940
('000)

Tahun	1934	1935	1936	1937	1938	1939	1940
India	179	175	184	236	209	214	218
Cina	86	62	65	77	61	75	88
Jawa	12	9	10	13	9	12	14
Lain-lain	25	25	18	23	17	23	31
Jumlah	302	264	277	349	296	342	351

Sumber: Peter Bauer, *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*, Cambridge: Harvard University Press, 1948.

bill of health the coolies are kept in the quarantine station for seven days. Immediately, after they arrive they and their clothing are disinfected and they are vaccinated...

The coolies are sent from the quarantine station to the depot, where they are taken over by the kangani for the estate for which they have been recruited. Each coolie has a tin ticket with a number on it corresponding to the number of the estate, so that it can be seen at a glance for what estate a coolie is intended.”⁸

Kebanyakan daripada golongan India yang bekerja di Tanah Melayu telah putus hubungan dengan negara asal mereka. Persekutuan keadaan ladang-ladang yang jauh tidak memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui keadaan di luar ladang dan seterusnya dengan negara asal mereka. Selepas tahun 1921, kebanyakan dari kaum India mengambil keputusan untuk terus menetap di Tanah Melayu.

Oleh kerana mereka tinggal dan bekerja di estet-estet, maka estate-estate tersebut terus menjadi tempat tinggal anak cucu mereka sehingga generasi kini. Pekerja-pekerja India yang sudah tua telah dibenarkan tinggal terus di kediaman mereka oleh pengurus estet atas dasar peri kemanusiaan. Undang-undang juga memerlukan setiap estet menyediakan 1/16 daripada seekar tanah kepada setiap keluarga untuk digunakan bagi pertanian atau mengembala kambing. Ini adalah satu-satunya bidang tanah yang diperolehi untuk pertanian oleh kaum India secara umumnya kerana tanah-tanah lain tidak dapat diperolehi dan harus melalui pegawai tanah.⁹

⁸ *Report of a Meeting of The General Labour Committee: British Malaya* (Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1920) 30 May 1920, ms. 8.

⁹ Sandhu, 1969, m.s. 265-70.

2.1.4. Sosio-Ekonomi Masyarakat India

Hampir 80 peratus daripada kaum India yang datang ke Tanah Melayu adalah tidak mahir dan kesemuanya telah diambil secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat-syarikat Eropah.¹⁰ Selain dari bekerja di ladang getah, ada yang terdiri dari kerani, penyelia, guru dan pegawai perubatan juga telah diambil untuk bekerja di syarikat-syarikat British dan Jabatan Kemudahan Awam terutamanya dalam perkhidmatan keretapi.

Bagi buruh-buruh estet, jumlah upah yang diterima bagi tahun 1925 boleh dilihat dalam Jadual 2.6. Buruh-buruh India pada ketika itu telah dilayan seperti hamba kepada pihak British. Upah yang diberikan adalah hanya cukup untuk makan sahaja dan boleh dikatakan bahawa tiada sebarang simpanan yang boleh dibuat untuk masa depan mereka.

Berbanding dengan kaum India, orang-orang dari Ceylon di ambil untuk pekerjaan profesional, hasil dari latarbelakang mereka berpendidikan Inggeris menyebabkan pencapaian ekonomi mereka yang jauh lebih baik. Kedudukan mereka ini juga lebih baik jika dibandingkan dengan kaum Melayu sendiri. Anak-anak mereka yang lahir di Tanah Melayu telah melanjutkan pelajaran institusi pendidikan tinggi Tanah Melayu yang telah mula didirikan. Ini telah menyebabkan anak-anak dari golongan ini terlibat dalam pekerjaan sebagai doktor, peguam dan lain-lain bidang profesional yang mendapat upah yang tinggi. Manakala anak-anak kaum pekerja estet pula terus mengikuti jejak langkah ibubapa mereka sebagai pekerja estet.¹¹

¹⁰ K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957* (London: Cambridge University Press, 1969), ms. 19.

¹¹ Sila lihat Lampiran 1 untuk maklumat lanjut.

Oleh kerana dasar British yang mengalakkan penumpuan sesuatu kaum mengikut kegiatan ekonomi maka dari segi penempatan wujud persaingan antara satu kaum dengan kaum-kaum yang lain menyebabkan ketiadaan interaksi sosial di antara kaum. Misalnya orang-orang Melayu tinggal di tepi pantai atau di tebing sungai dan muara sungai. Umumnya, orang Melayu adalah petani dan nelayan. Orang-orang Cina tinggal di bandar-bandar, pelabuhan-pelabuhan dan di lombong-lombong bijih. Orang Cina menjadi golongan pengusaha dan pelombong-pelombong. Sementara itu, orang India tinggal di ladang-ladang getah menjadi penoreh dan pekerja ladang.

Selain daripada itu, terdapat juga masyarakat perdagangan kaum India kelas menengah yang terlibat dalam kegiatan perniagaan perdagangan yang datang dari Gujerat, India Muslim (yang dikenali sebagai Marakkayar), sedikit ahli perniagaan Sikh dan Chettiar. Chettiar terlibat dalam perniagaan pinjaman kewangan, ahli bank dan pemilik estet. Chettiar akan memberikan pinjaman wang dengan tanah atau lain-lain harta dijadikan sebagai jaminan/cagaran dengan kadar faedah yang tinggi. Chettiar di Tanah Melayu yang mencapai bilangan 2000 orang pada tahun 1960¹² turut memberi pinjaman kepada ahli perniagaan Cina, pekerja bandar, pemilik tanah Melayu dan kepada sesiapa yang dapat menawarkan cagaran yang menarik. Jika penerima wang pinjaman daripada Chettiar yang tidak dapat membayar balik pinjaman, mereka akan kehilangan jaminan/cagaran dan seterusnya Chettiar dapat memiliki tanah-tanah atau lain-lain harta. Kedudukan ekonomi mereka adalah kukuh dengan pelaburan-pelaburan dalam tanah-tanah dan perniagaan di Asia Tenggara. Dalam tahun 1941, jumlah aset mereka di Tanah Melayu adalah dianggarkan bernilai sebanyak \$270 juta.¹³ Manakala jumlah firma mereka sehingga tahun 1960 adalah hampir 800.¹⁴

¹² Mahajani, Usha, *The Role of Indian in Burma and Malaya*, ms. 100.

¹³ Ibid., ms. 100.

¹⁴ Ibid., m.s. 99.

Jadual 2.6

Belanjawan Bulanan Bagi Buruh India, September 1925

Barangan	Kuantiti	Kos Yang Dipersetujui
<i>Keperluan Harian</i>		
Beras	6 gantang @ 46 sen	\$2.70
Garam	1 1/2 cupak	\$0.09
Chili	1/2 kati	\$0.14
Coriander	3/4 cupak	\$0.08
Tamarind	1 1/2 kati	\$0.18
Dhal	1 cupak	\$0.13
Kacang Hijau	1 cupak	\$0.12
Kacang Puteh	1/2 cupak	\$0.08
Bawang	1 kati	\$0.12
Halia	1/2 cupak	\$0.05
Cumin seed	1/2 cupak	\$0.05
Mustard	1/2 cupak	\$0.06
Lada	1/2 cupak	\$0.08
Tumeric	1/2 cupak	\$0.05
Barang Gulai	1/2 cupak	\$0.10
Minyak Kelapa	1 botol	\$0.30
Minyak Gas/API		\$0.14
Buah Betul, Tembakau	\$0.75	
Sabun Mandi		\$0.10
Periuk dan Belanga dll.	\$0.10	
Ikan Masin	1 kati }	
Daging Kambing	1/2 paun }	\$0.60
Sayur-sayuran	\$0.60 }	
Ubi Kentang	1 kati	\$0.60
<i>Pakaian</i>		
Vesthi	3	\$7.30 setahun
atau Baju Atas	3	61 sen sebulan
Banyans	3	
Cumbly Kapas		
<i>Lain-Lain</i>		
Bantal dan Tikar		\$0.15
Dobi		\$0.10
Gunting Rambut		\$0.10
Perayaan termasuk potongan kuil		\$0.30

Sumber: Malaya, Indian Immigration Committee, Official Verbatim Report of Meetings of the Indian Immigration Committee held on August 10th and October 5th, 1925, Annexure II.

Nota: Gantang = 1 gallon; Cupak = 1 quart; Kati = 1 1/3 Paun

Walaupun majoriti daripada kaum India bekerja di ladang-ladang getah, pemilikan tanah atau ladang-ladang adalah sangat kurang. Kebanyakan daripada peratusan kecil ladang-ladang getah kaum India dimiliki oleh Chettiar.¹⁵ D.H. Grist dalam bukunya "Nationality of Ownership and Constitution of Rubber Estates in Malaya" menunjukkan pemilikan tanah oleh kaum India adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan kaum Cina. Hanya terdapat 242 ladang-ladang 100 ekar dan ke atas yang dimiliki oleh kaum India.¹⁶ Statistik pemilikan tanah mengikut kaum ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2.7
Tanah Melayu: Milik Estet 100 Ekar Ke Bawah Mengikut Kaum
(ekar)

	Negeri Melayu Bersekutu	Selat Melaka	Negeri Melayu Tidak Bersekutu	Tanah Melayu
Eropah	813,339	146,809	438,201	1,398,348
Cina	92,500	52,864	202,435	347,799
Melayu	4,885	1,555	6,123	12,563
Jepun	5,667	-	51,984	57,651
India	26,627	9,910	21,096	5,733
Lain-Lain	2,232	279	799	3,310
Jumlah	945,250	211,417	720,638	1,877,305

Sumber: Rajeswary Ampalavanar, "The Chettyars and British Policy in Malaya, 1920-1941", *Tamil Oli*, Vol. 9, 1971-72, ms. 77.

Kadar pertumbuhan penduduk bagi orang-orang India dibandingkan dengan kaum-kaum Melayu dan Cina, menunjukkan kadar pertumbuhan yang rendah. Jadual 2.8 menunjukkan jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik manakala Jadual 2.9 menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk India di Malaya dari tahun 1911 hingga

¹⁵ Ibid., ms. 100. Dalam tahun 1932, daripada 2301 ladang-ladang getah bersaiz 100 ekar dan ke atas, 75 peratus adalah dimiliki oleh pengusaha Eropah dan 3.0 peratus dimiliki oleh kaum India.

¹⁶ *Department of Agriculture Bulletins Economic*, Series No. 2, Kuala Lumpur, 1933, ms. 1-2.

1947. Pada tahun 1940, jumlah penduduk India adalah sebanyak 687,300 orang manakala pada tahun 1957, bilangan ini mencapai angka 718,100 orang sahaja. Ini adalah disebabkan keadaan kehidupan kaum India di estet yang tidak mempunyai kemudahan kesihatan yang baik. Rumah-rumah sakit di estet dilengkапkan dengan alat-alat untuk rawatan biasa sahaja.

Jadual 2.8
Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik ('000)

	1940 Semenanjung Malaysia	1957 Semenanjung Malaysia
Melayu & Lain-lain		
Orang asli	2,173.0	3,187.4
Cina	1,756.0	2,369.9
India	687.3	718.1
Lain-Lain	76.7	12.2
Jumlah	4,693.0	6,287.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, Kuala Lumpur.

Jadual 2.9
Pertumbuhan Penduduk India di Malaya, 1911-1947

Tahun	Jumlah Penduduk	India	Peratus
1911	2,644,490	267,170	10.1
1921	3,326,695	471,514	14.2
1931	4,347,704	621,847	14.3
1947	5,848,910	599,616	10.25

Sumber: Mahajani, Usha. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. Repr. Westport: Greenwood Press, 1973. m.s. 108.

2.2. Zaman Pemerintahan Jepun 1942-45

Semasa pemerintahan Jepun, seperti kaum-kaum lain di Malaya, kebanyakannya daripada pekerja-pekerja estet tidak mempunyai pekerjaan. Selepas pihak British kalah kepada Jepun, pekerja-pekerja India tidak dapat lagi berhubung dengan ladang-ladang getah mereka. Walaupun sesetengah daripada ladang-ladang getah terus mengeluarkan pengeluarannya, tetapi hasilnya adalah sedikit kerana berlakunya Perang Dunia. Semasa pemerintahan Jepun, tentera Jepun telah menebang banyak pokok-pokok getah. Ini telah menyebabkan kebanyakannya daripada golongan India kehilangan pekerjaan. Selepas pengunduran tentera Jepun didapati tidak banyak pokok getah yang tinggal.

Selain daripada pekerja ladang-ladang getah, pekerja-pekerja di sektor pentadbiran turut sama menghadapi kemelesetan ekonomi. Pekerja di sektor pentadbiran telah berpindah ke kawasan pendalaman untuk menyelamatkan diri dan juga untuk menampung hidup mereka. Ini seterusnya telah merapatkan perhubungan di antara kedua kelas iaitu kelas buruh dan kelas pentadbiran. Sebelum ini perhubungan di antara kedua-dua kelas tersebut adalah terbatas atau tidak wujud langsung.

Pada masa pemerintahan Jepun telah wujud semangat dan kesedaran sosial dan politik di kalangan semua kaum di Malaya. Semasa kependudukan Jepun, kaum India tidak seperti kaum Cina telah mendapat layanan yang baik. Ini adalah kerana Jepun mempunyai cita-cita untuk menakluk India daripada British. Pihak Jepun telah menaja Rash Bihari Bose pada Persidangan Tokyo yang diadakan pada Mac 1942 untuk menujuhkan Indian Independence League (IIL). Cawangan-cawangan IIL telah ditempatkan di bandar-bandar utama di Tanah Melayu bagi mendapatkan sokongan bagi orang-orang di Tanah Melayu untuk membebaskan India dari British. Kaum

India di sini mula sedar dengan semangat politik kerana penglibatan mereka dalam Indian National Army dan Indian Independence League yang bertindak untuk membebaskan India daripada penjajahan British. Penglibatan mereka dalam kesatuan ini telah mewujudkan ramai pemimpin berkualiti di kalangan kaum India di semua peringkat.¹⁷ Walaupun begitu, IIL tidak mendapat sambutan yang mengalakkan dari kebanyakan orang-orang India apabila mendapati Bihari terlalu rapat dengan pihak Jepun.¹⁸ Kaum Cina yang tinggal di Tanah Melayu tidak mendapat layanan yang baik kerana Jepun telah menduduki Cina pada tahun 1937 dan masih mendapat tentangan daripada pihak Cina di Malaya.

Walaupun kaum India mendapat layanan yang lebih baik jika dibandingkan dengan kaum Cina, kebanyakan kaum India telah dipaksa atau secara sukarela membina landasan keretapi yang dikenali sebagai "landasan keretapi maut" dari Thailand ke Burma bertujuan menakluki India. Pembinaan landasan keretapi tersebut telah bermula pada Jun 1942 bermula dari Bampong di Thailand. Pada mulanya beribu-ribu tawanan perang dihantar untuk membina landasan keretapi tersebut. Ini diikuti pula dengan beribu-ribu kaum Tamil, Burma, Cina, Melayu dan lain-lain kaum dari Asia telah dihantar. Di antara tahun 1942-43, hampir 80,000 kaum lelaki India telah dihantar membina landasan tersebut manakala yang kembali adalah sebilangan kecil sahaja.¹⁹ Hampir 25,000 meninggal dunia, 12,000 kembali ke Tanah Melayu, 5,000 melarikan diri dan 32,000 hilang.²⁰ Ini adalah kerana layanan yang diberikan oleh pihak Jepun terhadap buruh-buruh dari Tanah Melayu adalah sangat teruk jika dibandingkan dengan layanan yang diberikan terhadap tawanan perang British dan Australia. Ini ditambah pula dengan penyakit taun yang telah menyerang kebanyakan daripada buruh-buruh Tamil kerana keadaan kem-kem tahanan adalah tidak bersih.

¹⁷ G.P. Ramachandra's, *The Indian Independence Movement in Malaya 1942-45*, Thesis, Universiti Malaya, Jabatan Sejarah, 1970. ms 256-276, dalam J.Rabindra Daniel, *A Brief Historical Survey of The Involvement of The Indians in The Malayan Trade Union Movement*, *Tamil Oli*, Vol. 13, 1981-82, ms 87-93.

¹⁸ B. Simandjuntak, *Malayan Federalism 1945-1963*, London: Oxford University Press, ms. 13.

¹⁹ Ibid., ms. 184.

Kadar kematian yang tinggi adalah berpihak kepada buruh-buruh India dari Tanah Melayu jika dibandingkan dengan buruh-buruh lain.²¹ Buruh-buruh paksa Tamil dibayar satu dollar sehari manakala tawanan perang pula dibayar sebanyak 10 sen sehari.²²

2.3. Selepas Perang 1947-1957

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, pihak British kembali berkuasa. Parti Komunis Malaya (PKM) juga telah muncul sebagai parti yang kuat lebih-lebih lagi setelah mendapat pengiktirafan dari pemerintah British. Ini adalah kerana semasa pemerintahan Jepun, PKM telah menubuhkan Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) yang bekerjasama dengan British untuk menentang Jepun. Maka selepas Jepun kalah, mereka bertujuan untuk mengambil alih kekuasaan melalui perlembagaan di antara tahun-tahun 1945-48 dan seterusnya mendirikan negara yang bercorak Komunis iaitu Republik Malaya. Walau bagaimanapun, PKM gagal mendapatkan sokongan orang-orang Melayu. Ini ditambah pula dengan kemunculan Malayan Chinese Association (MCA) di bawah pimpinan Tan Cheng Lock. PKM seterusnya meneruskan perjuangan mereka dengan mengadakan perjuangan bersenjata menyebabkan kerajaan mengisytiharkan Darurat pada Jun 1948.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan kecil dari kaum India telah terpengaruh dengan fahaman Komunis. Menurut, Mahajani, sehingga September 1949, sejumlah 800 orang-orang India telah ditahan kerana dipercayai membantu Komunis.²³ Mereka juga ditahan kerana dipercayai terlibat dalam mogok-mogok anjuran Kesatuan Sekerja.

²¹ G.E.D. Lewis, *Out East In The Malay Peninsula*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd 1991, ms. 104.

²² Ibid., ms. 109.

²³ U. Mahajani, The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya, Vora, Bombay, 1960, ms. 23. dalam J.Rabindra Daniel, A Brief Historical Survey Of The Involvement of The Indians In The Malayan Trade Union Movement, *Tamil Oli*, Vol 13. 1981-82, ms 91.

Dari segi ekonomi, pihak penjajah British terus menyambung semula dasar-dasar ekonomi mereka iaitu dasar pecah dan perintah. Mereka membahagikan kaum di negara ini dengan tujuan untuk menguat dan mengekalkan kuasa pemerintahan mereka. Kesannya, orang-orang India di dalam estet-estet getah dan perniagaan kecil, orang-orang Cina dalam perniagaan dan perdagangan kecil dan sederhana dan orang-orang Melayu tertumpu di dalam bidang-bidang pertanian sawah dan pentadbiran awam.

Sektor perladangan dan pertanian adalah sektor yang tidak memberikan pulangan yang mengalakkkan kerana sektor perladangan telah hampir musnah semasa perang. Pekerja-pekerja estet yang terdiri daripada kaum India kebanyakannya tidak mempunyai pekerjaan. Mereka mendapati sukar untuk meneruskan hidup kerana upah yang rendah dan kos hidup yang tinggi. Buruh-buruh paksa 'landasan maut' yang pulang semula ke Tanah Melayu telah didapati berada dalam keadaan fizikal dan kesihatan yang amat memilukan. Buruh-buruh paksa lelaki keturunan India yang meninggal dunia semasa pembinaan landasan keretapi maut yang berasal dari ladang-ladang getah United Planting Association of Malaya sahaja telah meninggalkan 5,730 balu dan 9,341 anak yatim piatu.²⁴

Kesan daripada perang telah menyebabkan pihak penjajah British mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki ekonomi Tanah Melayu. Pokok-pokok getah yang telah ditebang oleh tentera Jepun telah dipulihkan dengan cepat. Menjelang tahun 1948, perusahaan ini telah pulih semula kepada taraf sebelum perang dan penanaman secara terus-menerus telah banyak mengeluarkan hasil.

Walaupun hasil pengeluaran getah telah bertambah, upah yang diterima oleh pekerja-pekerja India di ladang getah adalah rendah jika dibandingkan dengan upah

²⁴ Charles Gamba, *The National Union of Plantation Workers*, Singapore, 1962.

yang diterima oleh pekerja Cina. Kaum India dibayar upah purata sebanyak \$1.30 sehari bagi lelaki, \$1.15 sehari bagi wanita dan 75 sen bagi kanak-kanak seperti yang dilaporkan oleh akhbar New Straits Times bertarikh 30 April 1946.²⁵ Pekerja-pekerja Cina pula dibayar sebanyak \$3.00 sehari. Pekerja-pekerja India dibayar dengan upah harian tetap manakala kaum Cina pula adalah buruh-buruh kontrak yang dibayar mengikut tugas yang diberikan atau keputusan yang diperolehi.

Ini menyebabkan kewujudan kesatuan-kesatuan sekerja yang cuba mendapatkan upah yang lebih baik dan menghapuskan diskriminasi terhadap kaum India. Mereka melancarkan mogok jika tuntutan mereka gagal dipenuhi oleh majikan. Di antara pemimpinnya adalah S.K. Chettur, wakil kerajaan India di Malaya. Chettur cuba mendapatkan peningkatan dalam upah sehingga 100 peratus kepada penoreh getah India. Ini diikuti oleh sokongan MIC yang ditubuhkan pada Ogos 1946. Walau bagaimanapun, tuntutan mereka pada ketika itu tidak mendapat sambutan daripada pihak pentadbiran kerajaan.

Industri bijih timah dan getah telah menghasilkan 86 peratus daripada jumlah eksport Tanah Melayu. Ini telah menyebabkan Tanah Melayu dipandang begitu penting kepada British. Ini ditambah pula dengan peningkatan mendadak harga bijih timah dan getah seterusnya memberikan pulangan yang begitu baik kepada penajah British. Walaupun begitu, buruh-buruh India terus hidup melarat di ladang-ladang getah.

2.4. Selepas Kemerdekaan, 1957-1970

Pada tahun 1957, Malaya telah mencapai kemerdekaan dan majoriti daripada kaum India masih lagi tinggal di ladang-ladang getah dan terus menghadapi masalah ekonomi yang serius. Ini kerana kerajaan di bawah pemerintahan tempatan telah terus

²⁵ *The New Straits Times*, 30 April 1946.

mengamalkan dasar pecah dan perintah. Kaum India yang tinggal di ladang-ladang getah ini telah tidak mendapat apa-apa kemajuan walaupun terdapat pertukaran pentadbiran daripada British. Imej kaum India yang mundur dari segi ekonomi masih terus wujud bukan sahaja dalam sektor perladangan tetapi juga mereka yang tinggal di kawasan bandar. Imej keseluruhan golongan India di Tanah Melayu masih tetap sama iaitu menonjolkan keadaan yang mundur dan miskin, kurang pendidikan, ketidakstabilan keluarga, kurang mobiliti pekerjaan dan tiada kehendak untuk meningkatkan taraf hidup.

Kebanyakan daripada mereka berkhidmat di bawah majlis bandaraya, Jabatan Kerja Raya, perkhidmatan keretapi dan perniagaan kecil. Pendapatan mereka yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu mendapatkan tempat perlindungan yang sempurna terutamanya di kalangan mereka yang bekerja di bandar. Ini menyebabkan kebanyakan daripada mereka tinggal di kawasan setinggan di pinggir bandar utama. Adalah dianggarkan kira-kira 12.4 % daripada penduduk setinggan yang tinggal di Kuala Lumpur pada tahun 1970 adalah terdiri dari kaum India.²⁶ Di antara tahun 1957 dan tahun 1970, bahagian golongan India yang bekerja di dalam sektor pertanian telah menurun kepada 50% daripada 40%.²⁷ Jumlah yang bekerja di dalam industri pengeluaran kekal sama iaitu kira-kira 25% bagi tempoh yang sama.

Manakala mereka yang tinggal di estet pula keadaannya juga tidak begitu menyenangkan. Persekitaran estet telah menyebabkan mereka tidak dapat melihat perspektif yang lain selain daripada keadaan perumahan yang sesak, kadar upah yang rendah dan ketagihan minuman keras. Sebahagian besar kaum India masih tidak berpeluang untuk keluar dari putaran ganas kemiskinan kerana peluang-peluang ekonomi yang kurang. Generasi-generasi yang hidup dalam keadaan kemiskinan

²⁶ Ishak Shari, Squatters: The Urban Poor in Kuala Lumpur, dalam Mokhzani, B. A.R. dan Khoo Siew Mun, *Poverty in Malaysia*, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur 1977, ms. 109-125.

²⁷ INSAN, *Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia*, Kuala Lumpur, 1989, ms. 4.

masih tidak mengubah keadaan sosial mereka dan mereka masih lagi mengamalkan sifat "tidak apa", tiada initiatif, pemikiran bebas dan perasaan harga diri.²⁸

Rakyat pelbagai kaum mendapat terdapat kepincangan dari segi kedudukan ekonomi mereka. Golongan kaya bertambah kaya dan golongan miskin bertambah miskin. Ini telah menyebabkan berlakunya rusuhan kaum 13 Mei 1969. Kerajaan mula sedar akan perlunya bagi mereka untuk campurtangan dalam ekonomi negara supayakekayaan negara dapat diagihkan dengan lebih adil. Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membahagikan kekayaan negara tanpa mengira kaum. Namun begitu, perlaksanaan dasar DEB lebih menumpu kepada pembangunan orang-orang Melayu dan bumiputera lain.

2.5. Kesimpulan

Kaum India telah mempunyai hubungan dengan Tanah Melayu sejak dari abad ke 15 dan mereka datang adalah untuk tujuan perdagangan. Selepas pihak British menjajah Tanah Melayu maka wujud pelbagai kegiatan ekonomi secara besar-besaran di antaranya ialah industri getah. Kaum India mula datang ke Tanah Melayu secara beramai-ramai seiringan dengan perkembangan industri getah. Kebanyakan daripada mereka datang untuk bekerja sebagai buruh di estet-estet getah kepunyaan British. Ini adalah kerana pada masa itu Tanah Melayu tidak mempunyai pekerja yang mencukupi untuk bekerja di ladang-ladang getah. Mereka datang untuk satu tempoh yang ditetapkan dan kemudian pulang ke tanah air mereka. Walau bagaimanapun, selepas tamat Perang Dunia Kedua, kebanyakan daripada mereka terus menetap di Tanah Melayu selepas mendapat kewarganegaraan selepas Malaya mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

²⁸ Ibid ms. 30.

Pada hari ini, kaum India adalah kaum ketiga terbesar di Malaysia selepas Melayu dan Cina. Oleh kerana dasar pemerintah British yang mengamalkan dasar pecah dan perintah, ketiga-tiga kaum ini terpisah dari segi ekonomi mereka. Kerajaan sedar perlunya campurtangan dalam ekonomi negara menyebabkan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi tujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (akan di analisa dalam Bab 3). Bab ini juga telah menunjukkan secara ringkas kedudukan kaum India sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.